

Bahagian A
[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan beberapa aktiviti yang dilakukan oleh remaja di negara Malaysia..

Huraikan tentang **peranan remaja dalam pembangunan negara kita**. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

PERANAN REMAJA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA



MEMILIKI ILMU PENGETAHUAN



MEMILIKI JATI DIRI



MENGAMALKAN GAYA HIDUP SIHAT

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan.**

1. Kepentingan ilmu dalam kehidupan pada zaman era globalisasi ini amat penting untuk seseorang itu berjaya mencapai cita-citanya.
Huraikan langkah-langkah yang perlu anda lakukan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan.
2. Penggunaan Teknologi Komunikasi dan Maklumat (TMK) semakin meluas digunakan pada masa ini.
Bincangkan peranan ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi(TMK) dalam proses pembelajaran.
3. Anda telah dipilih untuk mewakili sekolah anda dalam pertandingan syarahan peringkat Daerah. Tajuk syarahan tersebut ialah "*Pendidikan Industri Pemangkin Pembangunan Negara*"
Tulis syarahan itu selengkapnya.
4. Seluruh negara di dunia terlibat dengan gejala penularan jangkitan wabak Coronavirus yang menyebabkan pergerakan manusia terbatas dan kematian berlaku di negara yang terlibat.
Nyatakan bentuk-bentuk kerjasama antara negara di dunia dalam usaha menangani isu-isu Coronavirus.
5. Anda telah membaca sebuah novel yang menarik. Berdasarkan novel tersebut jelaskan perkara-perkara yang dapat dijadikan panduan dalam hidup.

KERTAS SOALAN TAMAT